



**PEJABAT DAERAH
DAN TANAH
SABAK BERNAM**

2025





MOTIVASI DIRI SEMASA BEKERJA

The infographic consists of six numbered panels, each with an illustration and a corresponding tip:

- ① Dapatkan teman pemberi semangat
- ② Terbuka menerima pandangan
- ③ Sesuaikan diri dengan situasi (fleksibel)
- ④ Sentiasa bersyukur
- ⑤ Berehat seketika untuk kekal fokus
- ⑥ Bezakan antara tugas hakiki dan tugas peribadi



**MALAYSIA
MADANI**

2
0
2
5

PROGRAM DAN AKTIVITI



<https://www.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



<https://twitter.com/pdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabatsabak%20bernam>



**MALAYSIA
MADANI**



JANUARI

2025

MAJLIS AMANAT YAB PERDANA MENTERI BERSAMA PENJAWAT AWAM SECARA ONLINE



Majlis Amanat YAB Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Secara Online yang telah berlangsung pada **3 Januari 2025 (Jumaat)**. Majlis ini memberi peluang kepada semua penjawat awam untuk mendengar secara langsung amanat serta pembentangan dasar-dasar penting oleh YAB Perdana Menteri, selain memperkuuhkan semangat perkhidmatan awam dalam mendukung kemajuan negara.



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



Bengkel Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) di KSL Esplanade, Klang, yang telah berlangsung pada **10 hingga 12 Januari 2025 (Jumaat hingga Ahad)**. Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan dan memperkuuhkan strategi kesinambungan perkhidmatan dalam menghadapi sebarang kemungkinan gangguan operasi.



FEBRUARI

2025

LAWATAN PANEL PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC)



Lawatan Panel Penilaian Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) ini diadakan bagi menilai serta meninjau amalan terbaik dalam pengurusan pejabat dan pentadbiran yang telah berlangsung pada **3 Februari 2025 (Isnin)**, Lawatan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada standard kecemerlangan serta mengenal pasti inovasi yang boleh dijadikan penanda aras dalam meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi.

KEJOHANAN PING PONG SUKAN PETANDA KE-15 NEGERI SELANGOR



Kejohanan Ping Pong Sukan Petanda Ke-15 Negeri Selangor yang telah berlangsung pada **22 Februari 2025 (Sabtu)**, bermula 8.00 pagi di Dewam Utama, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, Sabak Bernam. Kejohanan ini diadakan bagi menggalakkan semangat kesukunan dan memperkuuhkan persahabatan antara Pejabat Daerah Dan Tanah Negeri Selangor dan Pejabat Tanah & Galian Selangor.

BENGKEL PEMANTAPAN IMEJ PROFESIONAL DAN ETIKET SOSIAL TAHUN 2025



Bengkel Pemantapan Imej Profesional dan Etiket Sosial yang telah berlangsung pada **25 Februari 2025 (Selasa)** di Bilik Bunga Raya, PDTSB. Bengkel ini bertujuan untuk memperkasa penampilan serta keperibadian profesional dalam kalangan penjawat awam, di samping memantapkan etika sosial yang menjadi tunjang kejayaan dalam dunia kerjaya.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-27 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-27 Kelab Sukan Dan Kebajikan PDTSB yang telah berlangsung pada **26 Februari 2025 (Rabu)**. Mesyuarat ini akan membentangkan laporan tahunan kelab, laporan kewangan, serta membincangkan perancangan dan aktiviti bagi tahun akan datang. Kehadiran semua ahli amat dihargai bagi memastikan kelab terus berkembang maju serta memberi manfaat kepada semua.



KURSUS ASAS BENGKEL FOTOGRAFI

Kursus Asas Bengkel Fotografi ini yang telah berlangsung pada **28 Februari 2025 (Jumaat)** bermula jam 8.30 pagi. Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk memperkasa kemahiran peserta dalam bidang fotografi, sama ada sebagai hobi, bidang profesional, atau sebagai medium untuk berkongsi kisah dan pengalaman melalui lensa kamera. Seiring dengan perkembangan teknologi dan media sosial, fotografi kini menjadi satu elemen penting dalam penyampaian maklumat, dokumentasi, dan juga seni kreatif.





MAC
2025

MAJLIS PERASMIAN MASJID DAN BERBUKA PUASA (IHYA RAMADHAN) DYMM SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA 1446 H/2025M



Majlis ini telah berlangsung pada **5 Mac 2025 (Rabu)**. Diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta meraikan keberkatan bulan Ramadan bersama Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Raja Muda. Acara ini turut diserikan dengan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya, Solat Terawih berjemaah, serta jamuan berbuka puasa bersama tetamu kehormat dan para jemputan.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN CERAMAH AGAMA SEMPENA NUZUL AL-QURAN 1446H / 2025M ANJURAN BIRO AD-DIN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM



Majlis Khatam Al-Quran dan Program World Quran Hour 2025 telah diadakan pada **25 Mac 2025 (Selasa)** bertempat di Bilik Bunga Raya, PDTSB. Majlis diteruskan dengan Ceramah Agama Sempena Nuzul Al-Quran, dan ceramah disampaikan oleh penceramah daripada Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Islam Sungai Besar.



PROGRAM ADUK-ADUK BUBUR LAMBUK



Program Aduk-Aduk Bubur Lambuk telah berlangsung pada **25 Mac 2025 (Selasa)** bermula jam 8.30 pagi bertempat di Parkir Bas PDTSB. Program ini diadakan secara gotong royong yang melibatkan semua warga PDTSB, bertujuan untuk menggalakkan semangat kerja berpasukan dan mengeratkan ukhuwah di kalangan pegawai dan kakitangan PDTSB.

MAJLIS PERHIMPUNAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB) BILANGAN 1 TAHUN 2025

Pada **25 Mac 2025 (Selasa)**, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Pegawai dan Kakitangan Bilangan 1 Tahun 2025 bertempat di Bilik Bunga Raya (BBR). Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan amanat penting, memperkuatkan hubungan antara warga kerja serta membincangkan perancangan dan hala tuju organisasi bagi tahun ini. Antara pengisian Majlis Perhimpunan ini diadakan Simbolik Pelancaran Program Taman Herba, Penyampaian Sijil Mentor Dan Menti, Anugerah Pekerja Contoh Suku Tahun Ke-3 dan Ke-4 Tahun 2024 dan Penyampaian Hadiah Pertandingan EKSA.



TAKLIMAT DAN CABUTAN KERJA UNDI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM BILL 1/2025




Pada **26 Mac 2025 (Rabu)**, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan sesi Taklimat dan Cabutan Kerja Undi Bil. 1/2025 bertempat di Dewan Terbuka Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam. Taklimat dan Cabutan Kerja Undi ini bertujuan untuk memberi penerangan terperinci kepada kontraktor berdaftar mengenai prosedur pelaksanaan projek kerja undi yang akan dijalankan di daerah ini. Selesai sesi taklimat, majlis diteruskan dengan acara cabutan kerja undi yang dijalankan secara telus dan teratur.



KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA

Pada 28 Mac 2025 (Jumaat), Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) di Stesen Petronas Sungai Besar. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya keselamatan di jalan raya dan menyeru semua pengguna jalan raya supaya lebih bertanggungjawab, mematuhi undang-undang lalu lintas, serta mengamalkan sikap berhemah ketika memandu.



JUTAAN TERIMA KASIH

TUAN ALI SADIKIN BIN SADIN

ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH

ENCIK ZAINAL BIN BAHAUDIN

ENCIK MOHAMAD MARWAN BIMAHMAD TAJURI P.P.T

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM

ENCIK TUAN MOHAMMAD SUHAIMI BIN TUAN PA

ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD

PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL

ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR

ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD

NURUL NABILAH BINTI SHAMSUDIN

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT
SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG
DALAM MENJAYAKAN BULETIN PDTSB BIL 1/2025
(JANUARI HINGGA MAC 2025)**



KITASELANGOR